



MUIDIN dibawa keluar dari Mahkamah Tinggi, Johor Bahru, semalam



IBU Dirang, Roselyn Alan dikerumuni wartawan selepas mendengar keputusan kes bunuh anaknya, Dirang.

KES BUNUH DIRANG

'KAMU MACAM BINATANG'

Hakim sifat pembunuh Dirang tidak boleh dibiarkan bebas dalam masyarakat

Oleh Mary Victoria Dass
maryvictoria@mediapi-
ma.com.my
Johor Bahru

“Si mati insan ker-
dil yang tidak
mengerti

apa-apa namun kamu
menekup mulut
dan tekak hingga
dia lemas dan
membakar
mayatnya. Ka-
mu memang
kejam dan ti-
dak berperike-
manusiaan.”

Demikian kata
Hakim Mahkamah Tinggi
Johor Bahru Datuk Abdul
Halim Aman, semalam ke-
tika menjatuhkan huku-

man gantung sampai mati
terhadap Muidin Maidin,
25, selepas didapati ber-
salah membunuh Nurul
Nadirah Abdullah, 4, atau
Dirang, pada Mac tahun la-
lu.

Beliau menyifatkan lela-
ki itu memi-
liki nafsu um-
pama bina-
tang dan
sanggup me-
lakukan apa
saja bagi me-
muaskan naf-
sunya, justeru,
dia amat bahaya
jika berada dalam
kalangan masyarakat.

“Hanya ada satu huku-
man mengikut Seksyen 302
Kanun Keseksan untuk
kamu dan saya memerin-
tahkan kamu digantung di
leher sampai mati,” kata-
nya di akhir penghakiman.

Muidin didakwa mem-
bunuh Dirang di ladang ke-
lapa sawit di Jalan Suria 47,
Bandar Seri Alam, Masai, di
sini, antara jam 11.30 pagi, 1
Mac dan 12 tengah malam,
2 Mac tahun lalu.

Dirang dilaporkan hilang
pada 1 Mac tahun lalu
ketika membeli mi se-
gera dan telur di kedai
runcit berhampiran
rumahnya di Flat
Seri Delima, Ban-
dar Seri Alam
sebelum di-
sahkan me-
ninggal du-
nia akibat
dibunuh
serta di-
bakar, 12
Mac ta-
hun lalu.

Pen-

Hakim tegur bapa tiri Dirang

Johor Bahru: Sikap ku-
rang prihatin anggota
masyarakat dibangkit-
kan Hakim Mahkamah
Tinggi Johor Bahru Da-
tuk Abdul Halim Aman
ketika menjatuhkan hu-
kuman gantung sampai
mati terhadap Muidin
Maidin, 25, semalam.

Menurutnya, kemati-
an Nurul Nadirah Abdul-
lah, 4, atau Dirang akibat
tindakan Kejam Muidin
pada Mac tahun lalu se-
harusnya dapat dielak-
kan jika masyarakat
bersikap lebih prihatin
dan bertanggungjawab.

Abdul Halim berkata,
sikap tidak berani, takut
dan tidak mahu campur
tangan dengan hal orang
lain kerana bukan ke-
luarga mereka yang ter-
babit, mendorong pen-
duduk di situ (saksi) le-
bih suka mendiamkan
diri.

“Ia takdir namun de-
ngan ikhtiar manusia ia
boleh dielak. Masyarakat
tidak seharusnya me-
mentingkan diri sendiri,
timbul juga persoalan
mengapa mangsa dibe-
narakan berseorangan
bagi membeli mi segera
dan telur di kedai runcit

dakwaan dikendalikan
oleh Ketua Unit Pendak-
waan Johor Umar Saifuddin
Jaafar dan Timbalan Pen-
dakwa Raya Jasmine Hame-
eza Jaafar, mereka menge-
mukakan 133 barang kes
dan 35 saksi.

Tertuduh diwakili pe-

memandangkan ketika
kejadian, ibu dan bapa
tiri mangsa ada di ru-
mah.

“Dirang berusia empat
tahun, masih kecil dan
dia sepatutnya berada di
bawah pengawasan ibu
bapa dan di mana tang-
gungjawab orang dewa-
sa?,” katanya.

Beliau turut menegur
sikap bapa tiri Dirang,
Lima Medang, 26, yang
disifatkannya kurang
bertanggungjawab.

“Tidak kira anak tiri
atau anak sendiri, dalam
situasi berkenaan, dia
kurang bertanggungja-
wab (terhadap si mati),”
katanya.

Sementara itu, Muidin
dilihat menangis apabila
hukuman gantung sam-
pai mati dijatuhkan ke
atasnya dan sebelum-
nya, dia lebih banyak
menundukkan kepala
sepanjang penghakiman
kesnya dibacakan ha-
kim.

Sebelum penghaki-
man bermula, ibu sau-
daranya, dilihat meng-
hampiri dan memujuk-
nya namun wanita ter-
babit beredar sejurus
penghakiman dibuat.

guam bela Mohd Daud Is-
mail dan Mohamad Abd
Kadir.

Abdul Halim berkata,
walaupun pihak pembela-
an menyatakan Muidin ti-
ada motif atau dendam dan
tidak terbabit dalam kes
pembunuhan berkenaan

namun keterangan itu me-
yakinkan mahkamah.

“Ini kerana ujian asid
deoksiribonukleik (DNA)
mendapati wujud profil
tertuduh di bahagian alat
sulit (dubur dan vagina) si
mati,” katanya.

Menurut beliau, sebalik-
nya tiada profil DNA pihak
ketiga ditemui di bahagian
alat sulit itu seperti kes Ha-
nif Basree Abdul Rahman
(kes pembunuhan peraga-
wati sambilan, Noritta
Samsudin pada Disember
2005).

Ia diperkukuhkan de-
ngan keterangan saksi
pembelaan ketiga iaitu Ke-
tua Unit DNA Jenayah Ibu
Pejabat Jabatan Kimia Dr
Seah Lay Hong.

Abdul Halim berkata,
teori pihak pembelaan ba-
hawa wujud konspirasi
dalam ujian berke-
naan iaitu sampel
darahnya dile-
tak di alat sulit
si mati juga
adalah
mustahil
dan tidak
berasas.

“Perkara
kedua ada-
lah sampel
tanah yang
diambil dari-
pada motosikal
milik tertuduh
sama dengan
sampel tanah
diambil dari
lokasi kejadi-
an iaitu dari-
pada kebun
kelapa sawit.


“Malah, berda-
sarkan ketera-
ngan seorang
saksi (saksi
terlindung),
cebisan kain
(pelekat)
yang mele-
kat pada
leher si ma-

ti juga milik tertuduh.
“Saksi berkenaan yang
juga rakan serumah tertu-
duh menyatakan Muidin
hanya memiliki satu kain
pelekat dan menggunakan-
nya ketika mandi serta tidur
dan perkara itu tidak di-
nafikan Muidin,” katanya.

Abdul Halim berkata,
perlakuan tertuduh juga
menunjukkan dia mempu-
nyai pengetahuan berkait-
tan episod kejadian berke-
naan.

Menurutnya, ketika be-
liau melawat ke lokasi ke-
jadian, Muidin menunjuk-
kan beberapa tempat yang
mempunyai kaitan dengan
kejadian.

“Malah, berdasarkan ke-
terangan seorang saksi, pada
hari kejadian, Muidin dilihat
keluar dari kebun kelapa sa-
wit berkenaan da-
lam keadaan
tergesa-ge-
sa,” kata-
nya.



NENEK Dirang, Milnah Jul.



ROSELYN
tidak dapat
menahan
sebak.

HM e-Paper



Untuk paparan video sila layari
subscription.nstp.com.my

ROSELYN menangis sambil diperhatikan Alan selepas mendengar keputusan mahkamah.

"Saya tidak akan memaafkannya"
Alan Alip

KES BUNUH DIRANG

Arwah 'datang' cium pipi



NENEK Dirang, Milnah Jol menangis ketika mahkamah melawat tempat kejadian sebelum ini.

KRONOLOGI KES DIRANG

1 MAC 2012

Nurul Nadirah Abdullah atau Dirang, 4, hilang selepas keluar dari rumah di Flat Seri Delima, Bandar Seri Alam, Masai untuk membeli mi segera dan telur di kedai runcit berhampiran.

5 MAC 2012

Keluarga Dirang memberi kenyataan media berkaitan kehilangan anak kedua daripada tiga beradik dalam usaha mengesan mangsa. Polis menemui selipar Dirang dan bungkusan mi segera di kebun sawit, kira-kira 500 meter dari rumahnya.

6 MAC 2012

Ketua Polis Johor Datuk Mohd Mokhtar Mohd Shariff mengesahkan tiga suspek ditahan bagi membantu siasatan. Poster kehilangan Dirang diedarkan di sekitar Masai.

Keluarga bersyukur dengan keputusan mahkamah

Oleh Mary Victoria Dass
maryvictoria@mediapri-
ma.com.my
Johor Bahru

“Baru-baru ini Dirang muncul dalam mimpi dan mencium pipi saya sambil tersenyum. Mungkin ia petanda hari ini (semalam) kematiannya mendapat pembelaan sewajarnya.

“Kami bersyukur kerana hukuman dikenakan terhadap lelaki yang bertanggungjawab terhadap kematian Dirang setimpal dengan perbuatan kejam dilakukannya,” kata Roselyn Alan, 26, ibu Nurul Nadirah Abdullah atau Dirang, 4, semalam.

Katanya, dia dan keluarganya berdebar-debar menanti keputusan perbicaraan kes pembunuhan anak kedua daripada tiga beradik itu.

Anak lelaki sulung Roselyn kini berusia tujuh tahun manakala anak bongsu perempuannya berusia setahun.

Menurut Roselyn, malam kelmarin, dia juga sukar tidur kerana dibayangi nasib malang menimpa Dirang.

“Kini, saya puas hati doa



HAKIM Mahkamah Tinggi Datuk Abdul Halim Aman (tiga dari kiri) melawat tempat kejadian ketika perbicaraan kes itu.

kami kematian Dirang terbelak dimakbulkan Allah SWT.

“Kami sekeluarga berterima kasih kepada semua rakyat negara ini yang memberi sokongan moral kepada kami selama ini. Saya berdoa roh arwah Dirang dicucuri rahmat,” katanya.

Roselyn berkata, dia dan keluarganya juga menziarah kubur Dirang di Kampung Pertanian, Masai.

“Kami bercadang mengadakan kenduri kesyukuran

esok (hari ini) berhampiran kediaman di Flat Seri Delima, Bandar Seri Alam, Masai selepas solat Asar,” katanya.

Roselyn hadir ke Mahkamah Tinggi Johor Bahru semalam bersama ahli keluarga termasuk suaminya Lima Medang, 26, bapa Alan Alip, 50, dan ibu Milnah Jol, 57.

Sementara itu, Alan berkata, keluarganya menghormati keputusan mahkamah.

Menurutnya, keluarganya yakin tertuduh (Muidin Mai-



DIRANG

din, 25) tidak terkecuali daripada hukuman di akhirat.

“Saya tidak akan memaafkannya biarpun selepas keputusan hari ini (semalam). Dia (Muidin) seharusnya bertanggungjawab atas kematian Dirang yang menjadi kesayangan kami sekeluarga.

“Akibat perbuatannya, kami kehilangan Dirang buat selama-lamanya,” katanya.

Foto: ZULKARNAIN AHMAD, TAJUDDIN

8 MAC 2012

Polis menemui cebisan tiub tayar dan plastik hitam yang terbakar serta rangka manusia dalam lubang di sebuah rumah terbengkalai di Nusa Damai, Masai.

13 MAC 2012

Polis mengesahkan serpihan tulang yang ditemui di Nusa Damai milik Dirang.

14 MAC 2012

Dirang dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Pekan Masai di Kampung Pertanian.

26 MAC 2012

Tertuduh, Muidin Maidin, 25, didakwa di Mahkamah Majistret Johor Bahru di atas tuduhan membunuh Dirang.

25 FEBRUARI 2013

Perbicaraan kes Dirang bermula di Mahkamah Tinggi Johor Bahru.

20 MAC 2013

Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Abdul Halim Aman melawat lokasi mayat Dirang ditemui bersama pihak pendakwaan dan pembelaan.

24 MAC 2013

Mahkamah Tinggi Johor Bahru memerintahkan Muidin membela diri selepas memutuskan pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie menerusi keterangan 35 saksi serta 131 barang bukti.

28 JUN 2013

Muidin disabitkan kesalahan dan dijatuhi hukuman gantung mati mandatori.